

ANALISIS WATAK DAN PERWATAKAN DALAM NOVEL SEJAMBAK BAKTI KARYA REJAB FI

Siti Khariah Mohd Zubir

Khariah@Fbk.Upsi.Edu.My

Nur Denna Binti Samsudin

Deenasamsudin@Yahoo.Com

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak

ABSTRAK : Novel yang dikaji ialah *Sejambak Bakti* karya Rejab FI. Novel ini merupakan novel komponen sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi tingkatan 1 zon Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Johor. Objektif kajian dijalankan adalah untuk mengenal pasti watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti*. Objektif yang kedua ialah untuk menjelaskan watak dan perwatakan dan objektif yang ketiga ialah menganalisis novel menggunakan teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Ia didorong oleh prinsip kesenangan untuk memperoleh kepuasan segera dari semua kemahuan. Ego adalah berkaitan hal yang berhubungan dengan realiti serta kenyataan yang ada manakala super ego pula merupakan system keperibadian yang mengandungi nilai-nilai dan aturan yang bersifat evaluatif berkaitan perkara yang baik dan buruk. Di sini terdapat tiga dapatan kajian iaitu menjelaskan watak utama, menjelaskan watak sampingan dan menganalisis watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti* menggunakan unsur id, ego dan superego. Kesimpulannya, kajian menambahkan pengetahuan khalayak bagaimana unsur id, ego dan superego dalam teori Psikoanalisis Sigmund Freud berkembang dalam diri individu dan mempengaruhi kehidupan seharian. Implikasi kajian ini terbahagi kepada tiga iaitu kepada individu, pelajar dan masyarakat.

KATA KUNCI: Watak perwatakan, *Sejambak Bakti*, Rejab FI

PENGENALAN

Kajian yang ingin dijalankan ialah mengkaji watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti*. Teori yang digunakan ialah teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji watak dan perwatakan dalam Novel *Sejambak Bakti* dan perkaitannya dengan teori Psikoanalisis Sigmund Freud.

Kajian ini juga belum dilaksanakan oleh mana-mana penyelidik kerana novel komponen sastera (KOMSAS) ini merupakan teks baharu bagi pelajar tingkatan 1. Dalam novel ini, pengarang banyak menghidupkan watak yang mempunyai peranan masing-masing untuk menghidupkan jalan cerita. Terdapat watak protagonis dan antagonis dalam novel ini.

Antara sebab mengapa kajian ini dijalankan adalah untuk memudahkan para pelajar memahami watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti* karya Rejab F.I ini. Melalui pemahaman tentang perwatakan, para pelajar dapat mengambil mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang melalui setiap watak yang diketengahkan. Banyak unsur nasihat yang ditonjolkan oleh pengarang melalui gaya dan tingkah laku setiap watak.

Aspek watak perwatakan ini amat menarik untuk dikaji kerana tiada lagi yang mengkajinya memandangkan novel ini merupakan teks yang baharu. Pelbagai kupasan dapat dirungkai dan perkongsian yang menarik dapat dilakukan. Novel yang berlatar belakangkan suasana zaman persekolahan dan kekeluargaan ini amat

bersesuaian dalam membentuk keperibadian para pelajar terutamanya pelajar tingkatan satu yang baru menginjak ke alam remaja dan alam sekolah menengah yang penuh cabaran.

Watak-watak novel ini juga banyak menggambarkan unsur-unsur positif seperti kerajinan, bekerjasama, semangat setia kawan, keazaman dan sebagainya dalam melahirkan modal insan yang cemerlang. Watak yang ditonjolkan juga tidak begitu kompleks dan mudah untuk difahami oleh para pelajar.

Selain itu, melalui kajian ini juga dijangka akan memperoleh sesuatu yang baharu kerana dalam setiap penyelidikan akan mendatangkan sesuatu ilmu baru yang bermanfaat dan berguna untuk dikongsikan bersama. Kajian ini juga dapat dijadikan oleh para guru sebagai rujukan untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kemungkinan teks yang baharu akan kekurangan bahan rujukan dan kajian ini dijalankan untuk mempelbagaikan rujukan yang boleh diperoleh.

OBJEKTIF

1. Mengenalpasti watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti*
2. Menjelaskan watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti*
3. Menganalisis novel *Sejambak Bakti* menggunakan teori Psikoanalisis Sigmund Freud

SOROTAN LITERATUR

Siti Rokhana telah menjalankan kajian tentang Analisis Tokoh Utama Dengan Teori Psikoanalisa Sigmund Freud Pada Cerpen *Hana* Karya Akutagawa Ryunosuke pada tahun 2009. Kajian ini dijalankan bagi memenuhi keperluan Sarjana Pendidikan Prodi Pendidikan Bahasa Jepun di Universiti Negeri Semarang Tokoh utama merupakan tokoh yang memiliki peranan penting dalam suatu cerita. Dalam menyajikan kejiwaan tokoh cerita dapat dikaitkan oleh ilmu psikologi kerana tokoh yang ditampilkan dalam karya sastera memiliki karakter dan gejala psikologi tertentu. Gejala psikologi yang dialami oleh tokoh utama dalam suatu cerita merupakan cerminan sikap dan perilaku manusia. Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan aspek psikologis tokoh utama dalam cerpen *Hana* sebagai 'Naigu' dan faktor-faktor yang mempengaruhi kejiwaan dari tokoh 'Naigu'. Pendekatan penelitian yang dilakukan dalam penelitian ini adalah pendekatan kualitatif iaitu mengungkapkan keperibadian tokoh utama dalam cerpen *Hana*. Teknik pengumpulan data dalam penelitian ini menggunakan teknik pustaka dan pencatatan. Teknik yang digunakan untuk menganalisis data iaitu analisis deskriptif. Hasil penelitian menunjukkan bahawa ego dari 'Naigu' dapat memenuhi id dari 'Naigu' yang besar. Namun, superego belum bekerja sempurna untuk mengendalikan id dari 'Naigu'. Secara garis besar, gejala psikologis dari tokoh 'Naigu' dibahagi menjadi dua iaitu faktor yang mempengaruhi 'Naigu' memendekkan hidungnya, antara lain faktor biologis, motif pemenuhan diri, faktor sosial, faktor psikososial, motif harga diri dan kebutuhan mencari identiti diri. Yang kedua pula ialah faktor yang mempengaruhi 'Naigu' ingin hidung panjangnya kembali seperti semula antara lain, faktor psikososial dan faktor emosi.

Nurhamizah Hashim telah menjalankan kajian tentang Psikologi Keperluan Remaja Dalam Novel-Novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) pada tahun 2015. Kajian ini dijalankan untuk memenuhi syarat keperluan ijazah doktor falsafah di Universiti Malaya. Kajian ini menganalisis enam buah novel remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU), karya enam orang pengarang dengan menggunakan Pendekatan Hieraki Keperluan Remaja yang telah diubah suai dari Teori Hieraki Keperluan Manusia. Novel-novel tersebut ialah *Azfa Hanani* (1995), *Trilogi Cinta* (2002), *Merentang Gelora* (2002), *Merdekakan Cinta Ratna* (2003), *Beraraklah Awan Pulu* (2006) dan *Jendela Menghadap Jalan* (2009). Analisis tersebut akan menggunakan lima peringkat utama yang terdapat dalam Pendekatan Hieraki Keperluan Remaja, iaitu pertama, keperluan fisiologi, kedua, keperluan keselamatan, ketiga, keperluan kasih sayang dan cinta, keempat, keperluan penghargaan sendiri dan akhir sekali kelima, keperluan penyempurnaan sendiri. Permasalahan kajian yang bertolak daripada tempoh dan usia remaja akan wujud pelbagai keperluan, keinginan dan kehendak yang diperlukan oleh golongan ini bagi memenuhi impian, matlamat, visi dan misi yang dicita-citakan oleh mereka. Namun begitu, masih ada yang tidak memahami keperluan yang diperlukan oleh golongan remaja dan anak-anak mereka. Namun, sering kali kemampuan, kebolehan, keperluan, kehendak dan keinginan mereka ini dianggap tidak universal kerana kehidupan mereka masih di bawah jagaan ibu dan bapa. Justeru itu, perlulah dilakukan satu kajian bagi melihat keperluan, keinginan dan kehendak-kehendak watak remaja yang timbul

akibat kekurangan keperluan atau berlakunya situasi keperluan yang tidak dipenuhi serta tindakan mereka bagi memenuhi kehendak tersebut dalam karya-karya yang dipilih. Manakala objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan watak remaja, menganalisis keperluan watak remaja berdasarkan aplikasi Pendekatan Hieraki Keperluan Remaja serta merumuskan keperluan watak remaja yang dominan dalam setiap peringkat hieraki dari enam buah novel remaja tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap objektif telah berjaya dicapai. Kesimpulannya, watak remaja yang terdapat di dalam novel adalah merupakan cerminan remaja di alam realiti, maka boleh dikatakan bahawa keperluan, keinginan dan kehendak watak remaja yang ditonjolkan oleh pengarang dalam novel mereka berdasarkan kehidupan remaja yang sebenar.

TEORI PSIKOANALISIS SIGMUND FREUD

Id melalui teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) merupakan bahagian dari komponen keperibadian yang asli yang dibawa oleh seseorang individu sejak lahir. Id merupakan komponen psikologi yang mempunyai sifat primitif. Id ialah sumber segala tenaga *psikis* sehingga komponen utama keperibadian. Id terdorong oleh prinsip kesenangan yang berusaha bagi memperoleh kepuasan segera dari semua kemahuan. Sekiranya kemahuan ini tidak dipenuhi maka akan berlakunya ketegangan. Ada ketika manusia berada dalam keadaan berperang dalam dirinya, gelisah, keluh kesah dan sebagainya. Sebagai contoh, sekiranya seseorang bayi itu menangis kerana lapar maka kanak-kanak tersebut akan memberi isyarat kepada ibunya dengan cara menangis. Peningkatan rasa lapar akan mendorong bayi itu berusaha untuk mendapatkan makanan. Id memainkan peranan yang penting dalam permulaan hidup kerana dapat memastikan keperluan bayi itu dipenuhi dengan sempurna.

Seterusnya ialah ego. Prinsip keperibadian ego melalui teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) adalah berkaitan hal yang berhubungan dengan realiti serta kenyataan yang ada. Ego bermula dah dibawa sejak lahir tetapi berkembang bersama dengan hubungan individu dalam lingkungan persekitaran. Kemampuan untuk bertahan dalam sesebuah kehidupan tidak hanya bergantung pada tindakan mengikut dorongan tetapi harus belajar untuk menghadapi realiti. Ego bersifat lebih kompleks berbanding id. Ego merupakan struktur keperibadian yang berkaitan dengan tuntutan realiti yang mengandungi pemahaman yang tepat.

Ego melalui teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) berusaha menahan tindakan sehingga memiliki peluang untuk memahami realiti, memahami apa yang berlaku pada masa lalu dan membuat perancangan yang realistik pada masa hadapan. Tujuan ego adalah untuk menemui cara yang realistik dalam bentuk yang memuaskan id. Ego juga berguna untuk menyaring dorongan-dorongan yang ingin dipuaskan oleh id berdasarkan kenyataan yang ada.

Superego melalui teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) pula merupakan sistem keperibadian yang mengandungi nilai-nilai dan aturan yang bersifat evaluatif (berkaitan perkara yang berhubungan dengan baik buruk). Superego lebih terarah kepada kesempurnaan daripada kesenangan. Oleh itu, superego dapat dianggap sebagai aspek moral daripada keperibadian itu sendiri. Superego telah memberikan panduan untuk melakukan sebuah penilaian. Antara fungsi superego ialah bertindak sebagai pengendali dorongan-dorongan naluri id agar dorongan tersebut disalurkan dalam cara yang dapat diterima oleh masyarakat. Selain itu, superego juga mengarahkan ego pada matlamat yang sesuai dengan moral daripada kenyataan dan mendorong individu kepada kesempurnaan.

Ego dan super ego melalui teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) mengatur tingkah laku manusia untuk memuaskan dorongan-dorongan dari id. Hal ini merujuk kepada peraturan dalam masyarakat, agama atau kepercayaan tertentu mengenai perilaku yang baik dan buruk. Freud berpendapat bahawa manusia sebagai suatu sistem yang kompleks dan menggunakan tenaga untuk pelbagai tujuan seperti bernafas, bergerak, mengamati dan mengingat. Kegiatan *psikologik* juga memerlukan tenaga yang disebut sebagai '*psychic energy*'. Apa yang telah dikemukakan oleh Sigmund Freud bahawa setiap manusia perlu melalui tahap perkembangan dalam proses menjadi dewasa adalah benar.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Id

Pengkaji mendapati bahawa id melalui teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) dalam diri Munir yang menginginkan perhatian membawa kepada pelbagai kelakuan yang tidak disenangi oleh pelbagai pihak. Dia bukan sahaja mengabaikan tanggungjawab sebagai ahli lembaga pengarah koperasi malahan mendapat pelbagai aduan tentang tingkah lakunya di sekolah. Guru-guru sering mengadu bahawa dia sering mengganggu pelajar-pelajar lain yang berada di dalam kelas. Munir juga digambarkan sebagai seorang pelajar yang sering tidak menyiapkan kerja rumah yang diberikan oleh guru. Dia telah dipanggil oleh guru kaunseling dan diberikan nasihat berkenaan kelakuannya.

Tetapi, hal tersebut menimbulkan rasa dendam yang mendalam dalam diri Munir terhadap Razali. Dia beranggapan bahawa Razali merupakan orang yang bertanggungjawab melaporkan segala kelakuannya kepada guru. Di sini dapat dilihat unsur neurotis bergolak dalam diri Munir. Dia bertindak dengan membalas dendam terhadap apa yang dirasakan betul. Perkara ini dapat dibuktikan dalam petikan berikut:

'Kita ajar dia hari ini!' tegas Munir, 'Biar dia tau siapa kita!' Perasaan dendam mulai membara di dada Munir. Dia menumbuk tapak tangannya berulang-ulang kali, menunjukkan rasa geramnya.

(*Sejambak Bakti*, 2014: 66)

Menurut Freud (2006:50), id dipimpin oleh prinsip kesenangan. Dalam id melalui teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923), tidak dikenalpasti urutan mengikut waktu dan hukum logika pun tidak berlaku untuknya. Kita sering kali melihat mimpi sebagai sesuatu yang tidak logik dan perkara yang sama dapat dikatakan tentang gejala neurotis. Id atau ketidaksedaran merupakan suatu kenyataan psikologi yang normal dan universal walaupun faktor-faktor tidak sedar merupakan peranan besar dalam neurosis.

Razali pula seorang yang mempunyai budi pekerti yang tinggi. Razali mempunyai keinginan untuk mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi. Naluri id melalui teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) dalam diri Razali membawa kepada beberapa tindakan yang dilakukan untuk merealisasikan setiap perkara yang dilakukan. Razali telah dilantik sebagai penolong setiausaha koperasi sekolah ketika Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

'Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada semua murid dan guru kerana terpilih sebagai Ahi Lembaga Pengarah Koperasi sekolah kita pada tahun ini. Ucapan tahniah khas juga saya tujukan kepada Razali kerana terpilih sebagai Penolong Setiausaha,' ujar Cikgu Syamsudin, selaku Pengerusi, menoleh ke arah Razali yang duduk di samping cikgu Zulkifli.

(*Sejambak Bakti*, 2014: 9)

Menurut Horney (1937) yang juga merupakan pengkajian psikoanalisa menyatakan manusia mempunyai potensi semula jadi untuk berkembang ke arah kesempurnaan sendiri. Potensi itu akan terbantut seandainya dalam perkembangan seseorang itu sering mengalami kegagalan terutama dalam memenuhi keperluan-keperluan dalam hidup. Strategi ini akan membentuk personaliti seseorang individu.

Ego

Pengkaji mendapati bahawa unsur-unsur ego dalam teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) melalui watak Munir telah menghalang segala id yang ada dalam dirinya. Hal ini membawa kepada pelbagai tindakan yang tidak dijangka. Kejayaan Razali merupakan ego dalam dirinya sehingga dia bertindak untuk melakukan sesuatu terhadap Razali. Pertembungan ini menyebabkan Munir terjebak dalam komplikasi neurosis.

Menurut Muhibbu Abivian (2015), ego ditafsirkan sebagai hasrat untuk memenuhi nafsu. Manusia telah ada kawalan, pertimbangan dan telah memikirkan akibat dari apa yang telah dilakukannya. Gelora neurosis dalam diri Munir menyebabkan dia gagal untuk mengawal ego yang bertapak dalam dirinya.

Pada awalnya, Munir bertindak dengan membelasah Razali dengan dibantu oleh dua orang rakannya. Munir mengambil tindakan yang bertambah drastik apabila dia menuduh Razali mencuri wang koperasi sekolah. Perkara ini dibuktikan pada petikan di berikut:

'Munir! tengking Razali sambil bingkas bangun. 'Ha! Ada apa?' Munir menentang,' kau tak masuk kedai koperasi tu? Bukankah anak kunci kedai tu ada pada kau? Siapa lagi kalau tidak kau yang curi barang-barang dalam kedai tu?' cemuh Munir.

(*Sejambak Bakti*, 2014: 115)

Hal ini menyebabkan Razali menghadapi kesusahan. Munir telah mengadu perkara berkenaan dengan Pak Zakaria iaitu ayah tiri kepada Razali. Munir menemui Pak Zakaria ketika sedang berjalan pulang ke rumahnya setelah bekerja di sawah. Munir mengadu bahawa Razali mencerooboh kedai koperasi sekolah dan berharap Razali akan dimarahi oleh ayah tirinya itu. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

'Dia mencerooboh kedai koperasi sekolah semalam', terang Munir. 'Ya, Pak Zakaria. Semua guru dan murid tahu,' sokong Leong bersungguh-sungguh. 'Betul? tanya Pak Zakaria kembali. Kemudian, dia terangguk-angguk sambil mencebikkan bibirnya. 'Betul Pak Zakaria. Kalau tidak, takkan kami berani beritahu Pak Zakaria pula', tegas Munir lagi.

(*Sejambak Bakti*, 2014: 121)

Menurut Azlina Abu Bakar (2005), represi merupakan percubaan ego untuk mengelakkan desakan id yang tidak disenangi daripada memasuki dasar alam sadar dan terdapat ingatan tertentu yang menyakitkan dihalang daripada memasuki alam sadar. Pertarungan antara id dan ego melibatkan perlawanan antara desakan-desakan tenaga. Desakan yang mendorong dikenali sebagai *cathexes* manakala desakan yang mengekang dikenali sebagai *anticathexes* atau keinginan di bawah sadar berusaha meluahkannya ke alam sadar tanpa bertembung dengan idea lain dengan mengekang desakan dalam ego.

Sekiranya desakan ego dalam teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) adalah dominan, keinginan akan ditahan iaitu didesak kembali kepada alam bawah sadar. Sekiranya desakan id dominan, seseorang akan bertindak mengikut desakan atau kelakuan yang tidak diterima dalam masyarakat. Contohnya, seseorang yang berasa marah terhadap rakan akan berusaha memendam perasaan tersebut tetapi jika perasaan itu timbul di permukaan, beliau mungkin menyerang kawannya tadi dengan tindakan yang agresif. Freud menganggap represi merupakan helah bela diri paling asas kepada helah bela diri yang lain.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian pengkaji, unsur ego melalui teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) masuk ke dalam diri diri Mak Sopiah apabila dia tidak mahu memberitahu Razali siapa ayah kandungnya dan di mana ayah kandungnya tinggal. Hal ini kerana dia bimbang Razali akan meninggalkannya. Pak Ramli, iaitu ayah kandung kepada Razali langsung terputus hubungan dengan anak dan bekas isterinya itu. Hal ini diceritakan pengarang melalui pertemuan secara tidak sengaja antara Pak Ramli dan Mak Sopiah melalui bab yang terakhir. Berikut merupakan petikan yang dapat membuktikan perkara berkenaan:

'Begitulah cikgu. Saya tak tahu tempat Razali dan ibunya berada,' tegas Pak Ramli. Cikgu Syamsudin mengangguk-angguk. Encik Ali begitu tertarik mengikuti kisah tersebut. 'Saya langsung tidak mahu memberitahu Razali tempat ayahnya berada, cikgu,' celah Mak Sopiah, 'saya takut kalau-kalau dia tinggalkan saya'.

(*Sejambak Bakti*, 2014: 156)

Menurut Nora Azlin Sidek (2006), perasaan bimbang atau kebimbangan merupakan suatu pengalaman yang tidak menyenangkan dalam kehidupan manusia. Perasaan bimbang ini akan membuatkan manusia hidup dalam kerisauan, ketakutan, ketegangan dan tekanan tidak kira sama ada seseorang itu kanak-kanak, remaja

atau dewasa, sekiranya dilanda perasaan bimbang maka perubahan emosi dan tingkah laku juga akan berlaku.

Superego

Superego dalam teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) merupakan mekanisma untuk menunjukkan jalan kepada seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara yang benar atau salah. Melalui pemerhatian pengkaji, wujud unsur superego dalam diri Pak Zakaria apabila dia bertindak memperisterikan Mak Sopiah ketika Mak Sopiah bercerai dengan bekas suaminya iaitu Pak Ramli. Mak Sopiah yang keseorangan bersama anak lelakinya yang masih kecil ketika itu iaitu Razali. Setelah itu, Pak Zakaria telah membawa Mak Sopiah dan anaknya berpindah untuk memulakan kehidupan yang baru. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

'Melihat keadaan itu Pak Zakaria menyambung cerita yang hendak disampaikan oleh Pak Ramli. 'Lepas itu, saya mengambil Mak Sopiah menjadi isteri. Ketika itu saya juga menjadi tentera di tempat yang sama. Setelah tamat tempoh perkhidmatan, saya bawa Mak Sopiah dengan anaknya itu tinggal di sini,' jelas Pak Zakaria.

(Sejambak Bakti, 2014:156)

Alwisol (2004:21) menyatakan bahawa superego adalah kekuatan moral dan etika dari keperibadian yang berfungsi menggunakan prinsip idealistik sebagai lawan dari prinsip kepuasan id dan prinsip realistik dari ego. Hal ini bermakna superego diertikan sebagai ungkapan moral yang bersifat positif. Menurut K.Bertens (2006), setiap manusia mempunyai pengalaman tentang hati nurani dan mungkin pengalaman itu merupakan pertemuan paling jelas dengan kemoralan.

Pengkaji telah menemui bahawa melalui watak Encik Aik Hong memperlihatkan bagaimana superego melalui teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud (1923) berperanan dalam dirinya apabila dia bersetuju untuk membantu kedai koperasi sekolah anaknya iaitu Swee Lan untuk membekalkan barang keperluan kepada kedai koperasi berkenaan dengan potongan harga yang istimewa. Hal ini membantu kedai koperasi sekolah berkenaan untuk menjana keuntungan yang lebih banyak sekiranya mendapat harga yang berpatutan. Seharusnya, sebagai seorang peniaga, id dalam dirinya menginginkan keuntungan tetapi superego telah berjaya mengatasi id dan ego dengan memberikan pertolongan berkenaan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

'Encik Aik Hong mengangguk-angguk. 'Masuklah cikgu. Saya berikan harga paling minimum untuk kedai koperasi sekolah. Saya juga patut tolong memajukan koperasi sekolah kita,' kata Encik Aik Hong dengan ramah dan mesra. 'Terima kasih, Encik Hong. Mudah-mudahan kedai koperasi kita akan bertambah maju pada tahun ini dengan pertolongan Encik Hong itu,' kata Cikgu Zulkifli.

(Sejambak Bakti, 2014:24,25)

Dalam Suryabrata (2010:127), superego adalah aspek sosiologi keperibadian yang merupakan wakil dari nilai-nilai tradisional serta cita-cita masyarakat sebagaimana ditafsirkan orang tua kepada anak-anaknya yang dimasukkan dengan pelbagai perintah dan larangan. Superego lebih terarah kepada kesempurnaan daripada kesenangan. Fungsi utamanya ialah menentukan sama ada sesuatu itu benar atau salah, perlu atau tidak dan begitu juga keperibadian dapat bertindak selari dengan moral masyarakat.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati watak dan perwatakan novel *Sejambak bakti* ini dapat dianalisis menggunakan teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Watak-watak utama iaitu Razali dan Munir banyak menunjukkan unsur-unsur id, ego dan superego dalam konflik yang melanda diri mereka. Pengarang juga telah menggarap pelbagai iktibar yang boleh diambil khususnya kepada para pelajar yang mempelajari novel ini di sekolah. Kajian ini juga menekankan tentang ciri-ciri perkembangan remaja kerana

novel ini adalah berkisarkan zaman persekolahan dan pelajar yang baru menginjak usia remaja. Berdasarkan kajian lanjut yang telah dijalankan, pengkaji ingin pembaca memahami serba sedikit tentang perkembangan remaja.

Kajian ini diharap dapat menambah pengetahuan khalayak tentang bagaimana unsur-unsur id, ego dan superego melalui teori Psikoanalisis Sigmund Freud ini berkembang dalam watak dan perwatakan novel Sejambak Bakti. Penelitian tentang kajian-kajian lepas juga banyak membantu dalam penghasilan kajian.

Teori merupakan unsur terpenting yang digunakan dalam kajian ini. Pengetahuan berkaitan teori amat penting dan melalui kajian ini, unsur paling dominan yang digunakan adalah superego, diikuti oleh ego dan akhir sekali ialah id. Hal ini adalah berdasarkan watak-watak yang ditonjolkan oleh pengarang dan perwatakan mereka menerusi jalan cerita yang digarap oleh pengarang.

Setiap watak dalam novel ini banyak mempamerkan unsur nilai dan pengajaran yang amat berguna untuk diteladani oleh para pelajar khususnya. Hal ini adalah kerana novel ini merupakan teks di sekolah bagi pelajar tingkatan 1 di Zon 3 iaitu di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Johor. Pengarang memperlihatkan bagaimana seorang pelajar yang bermasalah akhirnya menemukan keinsafan dalam dirinya dan bagaimana seseorang individu yang menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran Berjaya mengawal dirinya agar tetap berada di landasan yang benar.

Selain itu, unsur kekeluargaan dan persahabatan merupakan antara tema yang menonjol dalam novel ini. Konflik yang berlaku dalam keluarga sedikit sebanyak mempengaruhi watak utama iaitu Razali, dalam menjalani kehidupannya. Dia terlalu berharap untuk bertemu dengan ayah kandungnya dan menghadapi ayah tirinya yang benci akan dirinya. Cabaran yang dilalui oleh Razali amat besar apabila dia juag berhadapan dengan Munir yang cemburu akan dirinya sehingga melakukan pelbagai rancangan untuk menjatuhkannya.

Teori Psikoanalisis yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud telah meletakkan tiga unsur utama dalam memahami personaliti individu iaitu id, ego dan superego. Pengkaji telah meletakkan objektif sebagai kayu ukur dalam menjalankan kajian dan menjawab semua persoalan kajian. Freud merupakan tokoh psikologi yang berjaya mendahului zamannya dengan pemikiran ilmiah dan psikologi. Beliau telah menghasilkan beberapa buku yang telah menjadi rujukan ahli-ahli psikologi seluruh dunia sehingga kini.

Teori yang diperkenalkan Freud ini sangat kompleks dan beberapa hal yang penting mengenai teori ini boleh dijadikan satu proses pembelajaran sepanjang hayat. Melalui teori ini, kita dapat memahami personaliti seseorang individu terutamanya dalam novel yang telah dikaji iaitu Sejambak Bakti.

IMPLIKASI

Individu

Seseorang yang tidak mampu mengawal id dan egonya membawa pelbagai implikasi yang tidak baik sebagai contoh terjebak dalam komplikasi neurosis. Seharusnya, superego memainkan peranan dalam membuat penilaian tentang bagaimana seseorang individu perlu bertindak dalam membuat penilaian. Kajian ini juga memperlihatkan bagaimana watak-watak dalam novel secara individunya mengawal id, ego dan superego mereka dalam mendepani kehidupan seharian. Begitu juga bagi diri seseorang manusia yang sentiasa mempunyai keinginan, keperluan dan bagaimana mereka menangani setiap isu yang berlaku untuk mengimbangi unsur-unsur tersebut dalam diri mereka.

Pelajar

Melalui analisis yang telah dijalankan, pelajar dapat memahami tentang aspek personaliti, nilai-nilai moral dan membuat penilaian tentang personaliti yang seharusnya ada dan tiada dalam diri seseorang individu. Watak-watak yang ditonjolkan banyak memberikan pengajaran kepada pelajar tentang bagaimana natijah atau kesan apabila seseorang pelajar itu bersikap negatif. Pelajar dapat mempelajari unsur-unsur personaliti tersebut melalui watak-watak seperti Razali dan Munir. Pelajar juga dapat memahami dengan lebih lanjut apa yang dikatakan sebagai id, ego dan juga superego dalam menganalisis personaliti seseorang individu.

Masyarakat

Dalam sistem pembinaan akhlak individu, Islam telah menyarankan supaya keluarga dapat melatih dan membiasakan anak-anak agar dapat berkembang seiring dengan norma agama dan sosial. Apabila sesebuah keluarga itu mampu memberikan bimbingan yang baik maka akhirnya anak itu dapat membesar menjadi seorang manusia yang baik. Bermula dan sebuah keluarga dan berkembang kepada keluarga yang lain sehingga membentuk sebuah kelompok masyarakat. Kegagalan dalam membentuk personaliti akan mendatangkan pelbagai implikasi yang buruk dan merebak dalam masyarakat. Kajian ini telah memperlihatkan bagaimana unsur id, ego dan superego mempengaruhi masyarakat terutama masyarakat kelompok sekolah itu sendiri. Kegagalan ego untuk mengawal desakan id mendorong kepada perlakuan yang tidak sewajarnya.

RUJUKAN

- Alwisol (2004). *Psikologi Keperibadian*. Malang: UUM Press.
- Azlina Abu Bakar (2005). *Psikologi Personaliti Individu*. Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Drs. H. Abu Ahmadi (1998). *Psikologi Umum*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta
- K. Bertens (2006). *Etika dan Moral Untuk Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Max Milner (1992). *Freud dan Interpretasi Sastra*. Indonesia: Penerbit PT Intermedia
- Muhibbu Abivian (2015). *Teori Psikoanalisis Sigmund Freud*. Diperoleh pada Januari 10, 2016 daripada <http://independent.academia.edu/MuhibbuAbivian>.
- Nurhamizah Hashim (2015). *Psikologi Keperluan Remaja Dalam Novel-Novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU)*. Diperoleh pada Mei 21, 2016 daripada http://studentsrepo.um.edu.my/5931/1/NURHAMIZAH_HASHIM.pdf
- Nora Azlin Sidek (2006). *Punca-Punca Kebimbangan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Diperoleh Jun 1, 2016 daripada <http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdf/fail/ptkghdfwP/NORAAP010287D2006TTP.pdf>
- Rejab F.I (2014). *Sejambak Bakti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siti Rokhana (2009). *Analisis Tokoh Utama Dengan Teori Psikoanalisa Sigmund Freud Pada Cerpen Hana Karya Akutagawa Ryunosuke*. Diperoleh pada April 3, 2016 daripada lib.unnes.ac.id/888/1/5562.pdf